

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Kesan advers penerima vaksin di Malaysia rendah

Kesan miokarditis dilaporkan pada kadar 1.2 bagi setiap juta dos Comirnaty

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kesan advers susulan imunisasi yang dipantau secara dekat (AESI) seperti radang otot jantung atau lapisan jantung (miokarditis/perikarditis) serta pembekuan darah vena dengan kiraan platelet rendah bagi penerima vaksin di negara ini, lebih rendah berbanding yang dilaporkan pada peringkat global.

Pengarah Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan (KKM), Dr Roshayati Mohamad Sani, berkata bagi kesan miokarditis atau perikarditis itu jarang sekali berlaku dan pada peringkat global ia membabitkan individu yang menerima vaksin COVID-19 jenis mRNA, termasuk Comirnaty.

Katanya, melalui pemantauan NPRA, di negara ini kesan berkenaan dilaporkan pada kadar 1.2 bagi setiap juta dos vaksin Comirnaty diberikan, iaitu lebih rendah berbanding negara lain.

"Di United Kingdom, sekitar enam hingga sembilan laporan bagi setiap juta dos dilaporkan manakala 10 hingga 20 laporan bagi setiap juta dos di Australia. Ia juga didapati lebih kerap berla-

ku dalam kalangan mereka berusia 30 tahun dan ke bawah.

"Oleh yang demikian, penerima vaksin Comirnaty tidak digalakkan untuk melakukan senaman dan aktiviti berat dalam tempoh seminggu selepas mereka mendapatkan suntikan.

"Bagi yang mengalami gejala seperti sakit dada, sesak nafas dan degupan jantung laju atau tidak sekata, dinasihatkan untuk berjumpa doktor dalam kadar segera," katanya pada sesi taklimat bersama media berkaitan AESI secara maya, semalam.

Selain memantau rapat kesan miokarditis atau perikarditis Dr Roshayati, berkata pihak NPRA juga membuat pemantauan terhadap laporan thromboembolism with thrombocytopenia.

"Di Malaysia, kesan ini turut dilaporkan dalam kalangan penerima vaksin COVID-19 AstraZeneca pada kadar 0.54 bagi setiap sejuta dos berbanding negara global lain.

"Namun, kesan ini dengan kadar kekerapan lebih rendah, berbanding kesan AESI yang lain iaitu sembilan laporan bagi setiap juta dos di United Kingdom dengan tiga hingga 20 laporan bagi setiap juta dos di Australia.

Pelaporan AESI dalam kalangan penerima dos penggalak adalah lebih rendah daripada kadar keseluruhan pelaporan AESI, iaitu 383 kes bagi setiap sejuta dos

Dr Roshayati Mohamad Sani,
Pengarah NPRA, KKM

"Penerima vaksin ini dinasihatkan untuk sentiasa memantau tahap kesihatan dan mendapatkan rawatan segera jika mengalami gejala seperti sakit kepala yang teruk dan atau penglihatan kabur, muntah, sakit dada, sakit perut, bengkak pada kaki, lebam atau berlaku pendarahan dan sukar bernafas," katanya.

Beliau berkata, penerima vaksin COVID-19 yang lain juga hendaklah segera merujuk ke mana-mana fasiliti kesihatan untuk mendapatkan rawatan sekiranya mengalami sebarang kesan advers serius atau berlanjutan bagi membolehkan rawatan segera diberikan dan kesan dialami dapat dirawat, selain penyalatan lanjut dapat dijalankan dengan teliti serta lengkap.

Mengulas mengenai laporan AESI Vaksin COVID-19 yang diterima oleh NPRA, Dr Roshayati berkata, sebanyak 93 peratus atau 37 laporan kesan advers tidak membabitkan kes yang tidak serius seperti demam, sakit pada tempat suntikan, sakit kepala, sakit otot dan keletihan.

"Secara keseluruhannya, sistem NPRA berkaitan AESI sudah menerima 25,211 laporan termasuk 1,186 kes adalah mem-

babitkan individu yang menerima dos penggalak bersamaan 86 laporan bagi setiap sejuta dos.

"Pelaporan AESI dalam kalangan penerima dos penggalak adalah lebih rendah daripada kadar keseluruhan pelaporan AESI, iaitu 383 kes bagi setiap sejuta dos.

"Daripada jumlah laporan AESI yang diterima bagi dos penggalak ini, 87 laporan atau 7.34 peratus jumlah AESI diterima dos penggalak diklasifikasikan sebagai serius.

"Berbanding laporan pada minggu lalu, NPRA menerima tambahan dua laporan membabitkan kematian dalam kalangan penerima dos penggalak dan didapati kematian berkenaan tiada hubungan kait dengan vaksin yang diterima," katanya.

Mengulas mengenai laporan AESI membabitkan golongan kanak-kanak, Dr Roshayati berkata sehingga 18 Februari lalu, sebanyak 37 laporan kesan advers tidak serius diterima dengan satu laporan membabitkan kes serius iaitu terdapat kemasukan ke hospital dan sudah pulih.

"Kadar pelaporan AESI bagi kanak-kanak direkodkan adalah 0.1 laporan bagi setiap 1,000 dos. NPRA turut menerima tambahan 20 laporan AESI bagi kanak-kanak pada 21 Februari dan semuanya tidak serius yang menjadikan keseluruhan laporan adalah 58 tetapi kadar pelaporan berbanding jumlah dos diberikan masih kekal sama.

"Tindak balas stres akut (acute stress response), demam, reaksi pada kulit dan sesak nafas adalah antara kesan advers yang kerap dilaporkan," katanya.

SOP ketat karnival Citrawarna

Kuching: Langkah tambahan dengan prosedur operasi standard (SOP) COVID-19 yang ketat diadakan bagi memastikan pengunjung dapat menikmati pelbagai aktiviti sepanjang acara Citrawarna Keluarga Malaysia 2022.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata SOP bagi karnival empat hari itu yang bermula hari ini di Tebingan Kuching di sini, telah disusun rapi supaya pengunjung dapat bersiar-siar dengan tenang.

Beliau berkata, untuk mengadakan acara besar pada masa ini, keufamaan pertama adalah keselamatan orang ramai.

"Kita tidak akan membahayakan keselamatan kesihatan awam, seperti ketika kita membuka sempadan untuk ketibaan antarabangsa atau pelancongan domestik atau acara yang menarik orang ramai. SOP perlu dibuat dahulu.

"Orang ramai perlu faham, kita berada dalam persekitaran virus COVID-19, masih ada selepas dua tahun dan mungkin menjejaskan kita untuk beberapa lama lagi.

"Kita juga perlu menyesuaikan minda kita kerana ia masih ada, kita perlu hidup dalam norma baharu," katanya kepada BERNAMA, di sini, semalam.

Karnival kali ini yang bertemakan 'Temasya Kepelbagaian Budaya' itu, diadakan kembali dan Kuching menjadi lokasi pertama dipilih selepas hampir empat tahun tidak diadakan.

BERNAMA

KKM nafi video tular kesan ramai vaksin

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) menafikan dakwaan menerusi video yang tular dalam media sosial bahawa pelajar sekolah mengalami reaksi selepas divaksinasi.

KKM dalam satu kenyataan, semalam, memaklumkan rakaman tersebut sebaliknya adalah video lama berkaitan insiden keracunan gas di sebuah sekolah di Pasir Gudang, Johor, pada 2019.

"Orang ramai disarankan supaya tidak menyebarkan sebarang maklumat palsu yang boleh menimbulkan kekeliruan dan kebingungan dalam masyarakat, sebaliknya merujuk media sosial rasmi KKM untuk mendapatkan maklumat yang sahih serta terkini," menurut kenyataan itu.

BERNAMA

'Kontak rapat tidak perlu kuarantin'

Kuala Lumpur: Seorang pakar virologi berpendapat kontak rapat kes positif COVID-19 tidak perlu menjalani kuarantin lima hari bagi penerima dos penggalak dan tujuh hari bagi belum lengkap vaksin.

Prof Dr Sazaly Abu Bakar dari Universiti Malaya, berkata ini kerana Malaysia sudah merekodkan bilangan penerima vaksin premier dan dos penggalak yang ramai.

Katanya, apabila sudah menerima vaksin lengkap, kemungkinan untuk dijangkiti COVID-19 masih ada, tetapi rendah walaupun menjalani kuarantin.

"Walaupun seseorang itu menjadi kontak rapat, tidak semestinya dia akan turut dijangkiti.

"Dalam situasi sekarang, selagi tidak positif COVID-19, tidak perlu menjalani kuarantin kerana ramai yang sudah mendapat suntikan vaksin dan dos penggalak.

"Jadi, cadangan saya, kuarantin ini hanya untuk mereka yang positif dan bagi yang kontak rapat, boleh meneruskan kerja seperti biasa," katanya kepada BH.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas cadangan tempoh kuarantin yang sesuai kepada kontak rapat positif COVID-19.

Bagaimanapun katanya, individu yang disahkan kontak rapat sama ada mempunyai gejala atau tidak, masih perlu membuat screening harian menggunakan kit

ujian pantas (RTK) Antigen untuk tempoh tertentu.

Katanya, ia bagi memastikan individu itu benar-benar tidak dijangkiti penyakit berkenaan.

"Bagaimanapun apa yang penting adalah membuat ujian itu dengan teknik yang betul. Ramai yang salahkan kit RTK memberikan keputusan tidak tepat, tetapi sebenarnya ia bukan salah kit itu.

"Kit RTK yang dijual di Malaysia semuanya sudah disaring oleh Kementerian Kesihatan (KKM) dan sesuai digunakan," katanya.

Beliau turut mencadangkan kepada KKM supaya menyediakan kit RTK Antigen kepada kontak rapat supaya mereka dapat menggunakannya untuk memastikan tidak dijangkiti.

"Atau bagi yang bekerja, mungkin majikan boleh sebagai inisiatif membekalkan kit ujian itu kepada pekerja mereka," katanya.

Mulai 16 Januari lalu, KKM menetapkan kontak rapat yang menerima dos penggalak perlu menjalani tempoh kuarantin selama lima hari, manakala yang lengkap, belum lengkap atau tiada vaksin, perlu menjalani kuarantin selama tujuh hari.

Individu yang mempunyai gejala, perlu membuat ujian RTK Antigen sendiri atau ke fasiliti kesihatan dan jika hari terakhir ujian menunjukkan negatif, mereka akan mendapat pelepasan atau selesai menjalani tempoh kuarantin.



AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Kelantan
catat
78 peratus
penggunaan
katil ICU

Kuala Lumpur: Empat negeri merekodkan penggunaan lebih 50 peratus katil di wad Unit Rawatan Rapi (ICU) bagi merawat pesakit COVID-19, dengan didahului Kelantan yang mencatat 78 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Johor menyusul dengan 69 peratus, Kuala Lumpur (62 peratus) dan Melaka (54 peratus).

Bagi katil bukan ICU, beliau berkata, empat negeri merekodkan penggunaan melebihi 90 peratus, iaitu Perlis yang mencatat 114 peratus, Kelantan (108 peratus), Selangor (99 peratus) dan Perak (95 peratus).

Putrajaya pula mencatat 74 peratus, Johor dan Kuala Lumpur (masing-masing 72 peratus), Sabah (70 peratus), Pahang (68 peratus), Terengganu (54 peratus) serta Pulau Pinang (51 peratus).

"Seterusnya, empat negeri merekodkan pengisian lebih 50 peratus katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 (PKRC).

"Negeri berkenaan ialah Perak yang mencatat 72 peratus, Selangor (70 peratus), Melaka (55 peratus) dan Sabah (51 peratus)," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, bilangan pesakit COVID-19 yang memerlukan alat bantuan pernafasan meningkat kepada 180 orang, setakat ini.

Beliau memaklumkan, ia membabitkan penggunaan 37 peratus daripada keseluruhan alat bantuan pernafasan untuk pesakit COVID-19 dan bukan COVID-19.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, terdapat perbezaan antara data harian kemasukan kes COVID-19 ke hospital, berbanding angkatan kategori 1 hingga 5 yang baharu didiagnosis setiap hari.

Beliau berkata, ia berikutan keadaan klinikal pesakit yang dinamik dan mungkin merosot atau bertambah baik sepanjang tempoh dijangkiti COVID-19.

"Misalnya ketika didiagnosis, mungkin pesakit itu berada pada Kategori 2 serta disolasi di rumah melalui Perintah Pengawasan dan Pemeliharaan di Rumah (HSO) digital.

"Namun, status kesihatan pesakit itu boleh merosot kepada Kategori 3 atau lebih yang memerlukan kemasukan ke hospital.

"Pada masa sama, ada juga kes COVID-19 berisiko tinggi daripada Kategori 1 dan 2 yang memerlukan kemasukan ke PKRC serta hospital sebagai langkah berjaga-jaga," katanya.

Penularan COVID-19

Kanak-kanak divaksin tidak alami kesan teruk

Risiko suntikan vaksin lebih rendah berbanding jika dijangkiti SARS-CoV-2

Oleh Muhammad Yusri Muzamir
yusri.muzamir@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tiada sebarang kes kesan sampingan teruk atau kematian akibat pengambilan vaksin COVID-19 dalam kalangan kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun dilaporkan sejak program pelalian bagi golongan itu diperkenalkan.

Pensyarah Pediatrik Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Halimah Abdul Halim, berkata sebaliknya hanya beberapa kes kesan advers susulan imunisasi (AESI) ringan dan sederhana dilaporkan Amerika Syarikat (AS) dan beberapa negara barat lain.

Beliau yang juga pakar kanak-kanak di Hospital Ampang, berkata risiko pengambilan vaksin dalam kalangan kanak-kanak adalah lebih rendah berbanding jika dijangkiti virus SARS-CoV-2 yang berkemungkinan menghidap sindrom long COVID-19.

Antara kesan sampingan pengambilan vaksin COVID-19



Kanak-kanak menerima dos pertama vaksin di PPV Axiata Arena, Bukit Jalil, semalam.
(Foto Aizuddin Saad/BH)

ialah demam, sakit dan bengkak di tempat suntikan, sakit badan, otot dan sendi, selesema, batuk, pening kepala, muntah serta cirit-birit yang berlarutan antara seminggu atau dua minggu.

"Kadang-kadang ada individu secara psikologi akan menyatakan dia dapat pelbagai kesan sampingan yang mungkin berpunca daripada penyakit lain.

"Justeru, saya nasihatkan supaya rujuk kepada doktor, jika mengalami kesan sampingan lebih dua minggu selepas vaksinasi serta jangan lupa laporkan kesan sampingan di MySejahtera," katanya pada forum Sembang bersama Pakar 'Vaksinasi Kanak-Kanak: Menjawab Kontroversi' secara maya, malam kelmarin.

Forum berkenaan menampilkan pakar mata umum dan kanak-kanak di MSU Centre, Dr Azlindarita Aisyah Mohd Abdullah sebagai moderator serta seorang lagi panel iaitu Pengerusi Pertubuhan Imuwan dan Cendekiawan Muslim Malaysia (ILMAN), Dr Syazalie Ahmad Najib.

Dalam pada itu, Dr Halimah mengakui, terdapat kesan sampingan jarang berlaku dalam kalangan penerima vaksin berusia

lima hingga 11 tahun yang dilaporkan, antaranya miokarditis iaitu keradangan atau bengkak pada daging jantung.

"Menerusi laporan kajian di AS, hanya 12 kes miokarditis dilaporkan dalam kalangan 8,674,378 penerima vaksin golongan berkenaan, yang antara lain disifatkan terlalu sedikit.

"Ia (miokarditis) sangat sedikit dan gejalanya adalah ringan dan bukannya teruk... ia hanya 'self limiting' dan akan pulih dengan sendirinya. Semua pesakit itu (12 kes miokarditis akibat pelalian COVID-19) tiada yang meninggal dunia pun," katanya.

Mengenai bahaya COVID-19 terhadap kanak-kanak, Dr Halimah berkata, kerisauan yang wujud dalam kalangan pakar perubatan adalah risiko golongan berkenaan menghidap sindrom Multi System Inflammatory Syndrome in Children (MIS-C) selepas dijangkiti virus terbitan.

Beliau berkata, gejala MIS-C adalah demam, bibir bengkak, mata merah, ruam, sakit dada dan sukar bernafas serta kelihatan sangat letih, sakit dan pucat, selain boleh menyebabkan organ tidak berfungsi dengan baik atau gagal berfungsi.

Sebanyak 278,000 kes jangkitan COVID-19 dalam kalangan kanak-kanak berusia bawah 12 tahun membabitkan 63 kematian yang kebanyakannya mempunyai penyakit kronik, dilaporkan antara Julai hingga Disember 2021.

Menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan (KKM), Johor turut mencatat sembilan kematian baharu, diikuti Selangor dan Negeri Sembilan (masing-masing empat).

Seterusnya, Kedah, Kelantan dan Pulau Pinang (masing-masing tiga); Melaka dan Perak (masing-masing dua); serta Kuala Lumpur (satu).

Dalam perkembangan berkaitan, kadar kebolehhajatan atau R-naught (Rt) COVID-19 di negara ini menurun sedikit kepada 1.15, kelmarin, berbanding 1.16 pada hari sebelumnya.

Berdasarkan data dikongsikan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah melalui Twitter, semalam, Labuan mendahului dengan kadar Rt 1.42. Sarawak menyusul dengan mencatat Rt 1.35; Terengganu



Halimah Abdul Halim

Individu tak vaksin paling berisiko maut

Kuala Lumpur: Kumpulan individu yang tidak divaksin tanpa mengira usia adalah golongan yang paling berisiko dijangkiti COVID-19 kategori empat dan lima serta berdepan kematian akibat jangkitan virus berkenaan.

Ketua Pengarah, Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata keadaan itu dapat dilihat menerusi data Kementerian Kesihatan (KKM) mengenai kes COVID-19 kategori empat dan lima serta data kematian akibat pandemik itu bagi setiap 100,000 populasi dalam tempoh 26 Januari hingga 22 Februari.

"Ini dapat dilihat pada carta KKM dan hampir semua kumpulan umur," katanya dalam kenyataan yang turut memuatkan carta yang menunjukkan kes COVID-19 kategori empat dan lima serta kematian bagi setiap 100,000 penduduk adalah lebih tinggi da-

lam kalangan individu yang tidak divaksin sepanjang tempoh berkenaan.

Dr Noor Hisham berkata, kumpulan individu yang menerima dos penggalak vaksin COVID-19 adalah yang paling terindung daripada pandemik.

"Dapat dilihat jumlah kes yang lebih rendah dijangkiti COVID-19 yang serius (kategori tiga, empat dan lima) dan kematian dalam kalangan penerima dos penggalak berbanding kumpulan yang tidak divaksinasi dan kumpulan yang lengkap divaksinasi tetapi belum menerima dos penggalak," katanya.

Beliau berkata, vaksin dos penggalak dapat memberi perlindungan yang terbaik daripada kematian dan gejala serius COVID-19.

Sementara itu, sebanyak 43 lagi kematian akibat COVID-19 direkodkan, kelmarin, yang menyak-

sikan Sabah mendahului dengan 12 korban.

Menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan (KKM), Johor turut mencatat sembilan kematian baharu, diikuti Selangor dan Negeri Sembilan (masing-masing empat).

Seterusnya, Kedah, Kelantan dan Pulau Pinang (masing-masing tiga); Melaka dan Perak (masing-masing dua); serta Kuala Lumpur (satu).

Dalam perkembangan berkaitan, kadar kebolehhajatan atau R-naught (Rt) COVID-19 di negara ini menurun sedikit kepada 1.15, kelmarin, berbanding 1.16 pada hari sebelumnya.

Berdasarkan data dikongsikan Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah melalui Twitter, semalam, Labuan mendahului dengan kadar Rt 1.42. Sarawak menyusul dengan mencatat Rt 1.35; Terengganu

(1.29); Perlis dan Pulau Pinang (1.27); Pahang dan Sabah (1.26); Negeri Sembilan (1.25); serta Kelantan (1.23).

Seterusnya, Selangor, Kedah dan Perak (1.21); Kuala Lumpur (1.16); Johor (1.15); Putrajaya (1.13); serta Melaka (1.11).

Sementara itu, seramai 615,671 individu atau 17.3 peratus populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 tahun sudah menerima dos pertama vaksin COVID-19 melalui Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids), setakat kelmarin.

Berdasarkan data dalam COVIDNOW, seramai 14,176,241 (60.3 peratus) populasi dewasa pula telah menerima dos penggalak COVID-19.

Seramai 22,945,612 (97.5 peratus) populasi itu sudah lengkap vaksinasi, manakala 23,223,993 (98.7 peratus) menerima sekurang-kurangnya satu dos.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : COVID-19

PENGUNAAN KATIL DI ICU

Kelantan tertinggi

Oleh Suraya Roslan
suraya@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Kelantan mencatat penggunaan katil di wad unit rawatan rapi (ICU) tertinggi bagi merawat pesakit Covid-19 iaitu 78 peratus.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, penggunaan katil ICU kedua tertinggi ialah Johor (69 peratus) diikuti Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (62 peratus), Melaka (54 peratus) manakala Perlis dan Selangor masing-masing merekodkan 45 peratus.

"Bagi katil bukan ICU, ada empat negeri merekodkan penggunaan katil melebihi 90 peratus iaitu Perlis 114 peratus, Kelantan (108 peratus), Selangor (99 peratus) dan Perak (95 peratus).

"Pengisian katil di Putrajaya merekodkan 74 peratus, Johor (72 peratus), Kuala Lumpur (72 peratus), Sabah (70 peratus), Pahang (68 peratus), Terengganu (54 peratus) dan Pulau Pinang (51 peratus)," katanya.

Menurutnya, empat negeri iaitu Perak (72 peratus), Selangor (70 peratus), Melaka (55 peratus) dan Sabah (51 peratus) menunjukkan pengisian lebih 50 peratus bagi katil di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 (PKRC).

"Pesakit Covid-19 memerlukan alat bantuan pernafasan (ventilator) meningkat kepada 180.

"Peraturan penggunaan bantuan itu 37 peratus daripada keseluruhan ventilator untuk pesakit Covid-19 dan



ORANG ramai memakai pelitup muka ketika masuk bekerja dalam tinjauan di sekitar Jalan Ampang, Kuala Lumpur, semalam. - Gambar NSTP/HAIRUL ANUAR RAHIM



Bagi katil bukan ICU, ada empat negeri merekodkan penggunaan katil melebihi 90 peratus"

Dr Noor Hisham

bukan Covid-19," katanya.

Dr Noor Hisham berkata, ada perbezaan antara data harian kemasukan kes Covid-19 ke hospital berbanding kes jangkitan kategori 1 hingga 5 yang baru didiagnosa pada setiap hari.

Katanya, ia memandangkan keadaan klinikal pesakit yang dinamik dan mungkin merosot atau bertambah baik ketika dijangkiti.

"Misalnya, ketika didiagnosa mungkin pesakit itu

pada kategori 2A dan diisolasi di rumah melalui Perintah Pengawasan dan Pemeliharaan di Rumah (HSO) digita namun status kesihatan pesakit boleh merosot ke kategori 3 atau lebih yang memerlukan kemasukan ke hospital.

"Pada masa sama, ada kes Covid-19 berisiko tinggi dari kategori 1 dan 2 yang memerlukan kemasukan ke PKRC dan hospital sebagai langkah berjaga-jaga.

"Semalam (kelmarin), kes Covid-19 yang dimasukkan ke hospital adalah sebanyak 1,520 kes dan daripada jumlah itu, 545 kes atau 35.9 peratus adalah kategori 3, 4, dan 5 dan 975 kes (64.1 peratus) lagi adalah terdiri daripada kategori 1 dan 2," katanya.

Sementara itu, Dr Noor Hisham berkata, negara merekodkan 27,179 kes baharu penularan Covid-19 kelma-

rin menjadikan jumlah keseluruhan individu dijangkiti virus itu kini meningkat kepada 3,273,958 kes.

"Jumlah direkod memabatkan 27,059 kes tempatan dengan 678 kes lagi kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara.

"Sebanyak 99.37 peratus bersamaan 27,007 kes adalah pesakit Covid-19 dalam kategori satu dan dua iaitu tidak mempunyai gejala dan bergejala ringan.

"Pecahan jumlah dinyatakan itu, 70.7 peratus iaitu 19,215 kes adalah pesakit Covid-19 dalam kategori dua manakala 7,792 kes (28.67 peratus) pesakit kategori satu," katanya.

Katanya, selebihnya bagi kategori tiga ada 102 kes (0.37 peratus), kategori empat dengan 43 kes (0.16 peratus) serta bagi kategori lima 27 kes (0.20 peratus).

615,671 kanak-kanak terima dos pertama

Kuala Lumpur: Sebanyak 615,671 individu atau 17.3 peratus populasi kanak-kanak berusia lima hingga 11 di Malaysia sudah menerima dos pertama vaksin Covid-19 melalui Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICKids) setakat kelmarin.

Berdasarkan data menerusi laman web Covid-Now, 14,176,241 atau 60.3 peratus populasi dewasa di dalam negara menerima dos penggalak Covid-19 dan 22,945,612 atau 97.5 peratus lengkap vaksinasi manakala 23,223,983 atau 98.7 peratus menerima sekurang-kurangnya satu dos.

Bagi remaja berusia 12 hingga 17, sejumlah 2,799,326 individu atau 90 peratus daripada kumpulan itu sudah melengkapkan vaksinasi mereka manakala 2,888,143 atau 92.9 peratus menerima

sekurang-kurangnya satu dos vaksin.

Sebanyak 147,742 dos suntikan vaksin sudah diberikan kelmarin membabitkan 51,849 suntikan dos pertama, 613 suntikan dos lengkap dan 95,280 suntikan dos penggalak menjadikan jumlah kumulatif vaksin bagi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan (Pick) kini meningkat kepada 66,441,964.

Sementara itu, menurut portal GitHub Kementerian Kesihatan, 43 kes kematian akibat Covid-19 direkodkan kelmarin dengan Sabah melaporin 12 kes, diikuti Johor (sembilan), Selangor dan Negeri Sembilan (empat), tiga kes masing-masing di Kedah, Kelantan dan Pulau Pinang, dua kes masing-masing di Melaka dan Perak manakala satu kes di Kuala Lumpur.

Video tular babit kes keracunan gas

Kuala Lumpur: Kementerian Kesihatan (KKM) menafikan video tular menerusi media sosial yang mendakwa pelajar sekolah mengalami reaksi selepas divaksinasi.

Kementerian itu menerusi kenyataan semalam memaklumkan ia video lama berkaitan kejadian keracunan gas di sebuah sekolah di Pasir

Gudang, Johor pada 2019.

"Orang ramai disaran tidak menyebarkan sebarang maklumat palsu yang boleh menimbulkan kekeliruan dan kebimbangan dalam kalangan masyarakat sebaliknya merujuk media sosial rasmi KKM untuk mendapatkan maklumat yang sahih dan terkini," menurut kenyataan itu.

Hishammuddin dalam keadaan baik

Kuala Lumpur: Menteri Kanan Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein kini menjalani isolasi di Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, di sini, bagi rawatan dan pemantauan selepas disahkan positif Covid-19, kelmarin.

Hishammuddin menerusi ciapan di Twitter semalam memaklumkan walaupun beliau mengalami gejala akibat jangkitan itu, kesihatannya berada dalam keadaan yang baik.

Beliau juga mengucapkan terima kasih kepada semua yang mendoakan kesembuhannya.

"Saya terima banyak mesej ucapan dan doa sejak semalam (kelmarin). Saya mohon maaf tidak dapat

balas semuanya. Namun bagi pihak ahli keluarga, saya amat menghargai dan berterima kasih kepada semua pihak yang ambil berat dan doakan kesembuhan saya. Semoga dimaklumkan Allah SWT. insya-Allah," katanya.

Pejabat Menteri Kanan Pertahanan dalam kenyataan kelmarin memaklumkan Hishammuddin yang sudah menerima dos penggalak disahkan positif Covid-19, sedang menjalani tempoh kuarantin yang ditetapkan Kementerian Kesihatan (KKM).

Kenyataan itu juga memaklumkan Hishammuddin akan terus memantau dan menjalankan tugas yang sesuai sepanjang tempoh itu.

COVID-19 DI SINGAPURA

Permintaan katil di hospital meningkat

Singapura mencatat 26,032 kes harian baharu Covid-19 pada Selasa (22 Feb), tertinggi dicatatkan sejak pandemik itu melanda seluruh negara pada Januari 2020.

Republik itu juga melaporkan empat kematian, menurut data Kementerian Kesihatan yang disiarkan di laman webnya lewat Selasa.

Ia menjadikan jumlah keseluruhan jangkitan di pulau itu 622,293 kes dan 956 kematian.

Dalam satu kenyataan berasingan, Kementerian meminta kerjasama orang ramai memandangkan hospi-

26,032
Kes harian baharu
dicatat di Singapura
kelmarin

tal, poliklinik dan klinik Pengamal Perubatan Am (GP) kini menjadi sibuk, dan petugas kesihatan menghadapi bebanan teruk.

"Ia mungkin ambil masa beberapa minggu sebelum gelombang jangkitan memuncak dan kembali reda," menurut kenyataan itu.

Menurut kementerian ke-

adaan itu menyebabkan timbul dua masalah dengan satu daripadanya peningkatan permintaan katil di hospital, kebanyakannya untuk rawatan pesakit mempunyai penyakit kronik.

Ini turut menyebabkan peningkatan kapasiti di hospital awam, menempatkan pesakit ke hospital swasta, dan menambah petugas kesihatan dengan SG Healthcare Corps serta medik Angkatan Tentera Singapura (SAF).

"Kami juga menyesuaikan lagi protokol kesihatan untuk membolehkan lebih ra-

mai pesakit menjalani pemulihan di rumah," menurut kenyataan itu.

MOH menggesa majikan tidak memaksa pekerja memberi sijil perubatan atau memo pemulihan jika mereka positif Covid-19.

Pekerja berisiko rendah dan mempunyai simptom ringan atau sikit dari segi fizikal digalag menjalani kuarantin di rumah tanpa perlu ke klinik atau hospital.

Kementerian juga menggalakan individu supaya tidak tergesa-gesa ke jabatan kecemasan (ED) kecuali jika benar-benar perlu.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 8

RUANGAN : COVID-19

Kuala Lumpur

Kumpulan individu yang tidak divaksin tanpa mengira usia merupakan golongan yang paling berisiko dijangkiti Covid-19 kategori empat dan lima serta berdepan dengan kematian akibat jangkitan virus berkenaan.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata keadaan itu dapat dilihat menerusi data Kementerian Kesihatan (KKM) mengenai kes Covid-19 kategori empat dan lima serta data kematian akibat pandemik itu bagi setiap 100,000 populasi dalam tempoh 26 Januari hingga 22 Februari.

"Ini dapat dilihat pada carta KKM dan hampir semua kumpulan umur," katanya dalam kenyataan yang turut memuatkan carta yang menunjukkan kes Covid-19 kategori empat dan lima serta kematian bagi setiap 100,000 penduduk adalah lebih tinggi dalam kalangan

Risiko individu tak vaksin

Kumpulan individu tak vaksin berisiko dijangkiti Covid-19 kategori empat dan lima



ORANG awam hadir menerima vaksin dos penggalak bagi membantu mencegah gejala yang serius daripada penyakit Covid-19. - Gambar NSTP/AZIAH AZMEE

individu tidak divaksin sepanjang tempoh berkenaan.

Menurut Dr Noor Hisham kumpulan individu yang telah menerima dos penggalak vaksin Covid-19 adalah yang paling terlindung daripada pandemik itu.

"Dapat dilihat jumlah kes yang lebih rendah dijangkiti Covid-19 yang serius (kategori tiga, empat dan lima) dan juga kematian dalam kalangan penerima dos penggalak berbanding kumpulan yang tidak divaksinasi dan kumpulan yang lengkap divaksinasi tetapi belum menerima dos penggalak," katanya.

Beliau berkata vaksin dos penggalak dapat memberi perlindungan yang terbaik daripada kematian dan gejala serius Covid-19.

Kadar AESI masih rendah

Kuala Lumpur: Kadar kejadian Adverse Events of Special Interest (AESI) selepas vaksinasi Covid-19 di Malaysia masih rendah berbanding negara lain.

Pengarah Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Dr Roshayati Mohamad Sani berkata, pihaknya sentiasa memantau AESI secara dekat termasuk radang otot jantung atau lapisan jantung (miokarditis atau perikarditis) dan venous thromboembolism with thrombocytopenia (pembekuan darah vena dengan kiran platelet rendah).

"Miokarditis atau perikarditis dikenal pasti berlaku di peringkat global dalam kalangan individu yang menerima vaksin Covid-19 jenis mRNA termasuk Comirnaty, tetapi ia amat jarang terjadi.

"Melalui pemantauan NPRA, kesan ini dilaporkan pada kadar 1.2 bagi setiap juta dos vaksin Comirnaty di negara ini yang mana lebih rendah dibandingkan di peringkat global kira-kira enam hingga sembilan bagi setiap juta dos di United Kingdom (UK) dan 10 hingga 20 bagi setiap juta dos di Australia.

"Ia juga didapati lebih kerap berlaku pada mereka berusia 30 tahun ke bawah. Oleh itu, penerima Comirnaty tidak digalakkan melakukan senaman, aktiviti berat dalam tempoh seminggu selepas menerima suntikan.



Penerima vaksin Covid-19 yang lain juga hendaklah segera merujuk ke mana-mana fasiliti kesihatan untuk mendapatkan rawatan sekiranya mengalami sebarang kesan advers yang serius"

Dr Roshayati

Mereka mengalami gejala seperti sakit dada, sesak nafas dan degupan jantung laju atau tidak sekata dinasihatkan berjumpa doktor dengan segera," katanya.

Beliau berkata demikian pada Sesi Libat Urus Bersama Media berkaitan Laporan Kesan Advers Susulan Imunisasi (AEFI) Vaksin Covid-19 secara maya, semalam.

Bagi kesan venous thromboembolism with thrombocytopenia pula katanya, pemantauan di peringkat global melaporkan kesan ini boleh berlaku susulan pengambilan vaksin Covid-19 AstraZeneca namun dengan kadar kekerapan yang rendah antara sembilan bagi setiap juta dos di UK dan tiga hingga 20 bagi setiap juta dos di Australia.

"Di Malaysia, kesan ini turut dilaporkan di kalangan

penerima vaksin Covid-19 AstraZeneca pada kadar 0.54 bagi setiap sejuta dos.

"Penerima vaksin ini dinasihatkan sentiasa memantau tahap kesihatan dan mendapatkan rawatan segera jika mengalami gejala seperti sakit kepala yang teruk, penglihatan kabur, muntah, sakit dada, sakit perut, bengkak pada kaki, lebam atau berlaku pendarahan dan sukar bernafas.

"Penerima vaksin Covid-19 yang lain juga hendaklah segera merujuk ke mana-mana fasiliti kesihatan untuk mendapatkan rawatan sekiranya mengalami sebarang kesan advers yang serius atau kesan yang berpanjangan bagi membolehkan rawatan segera diberikan dan kesan yang dialami dapat dirawat, selain penyiasatan lanjut dapat dijalankan dengan teliti dan lengkap," katanya.

Jumlah kanak-kanak di Negeri sembilan ambil vaksin meningkat

Seremban: Bilangan kanak-kanak berusia antara lima hingga 11 tahun di Negeri Sembilan yang mendaftar menerima suntikan vaksin Covid-19 menerusi Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-Kanak (PICKids) terus meningkat.

Setakat ini, seramai 36,000 orang kanak-kanak atau 30 peratus berbanding bilangan populasi layak seramai 117,200 orang, sudah mendaftar menerusi pro-

gram itu yang dilancarkan pada 3 Februari lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Kesihatan, Alam Sekitar, Koperasi dan Penggunaan negeri, S Verapan berkata, liputan vaksinasi dos pertama bagi program itu setakat ini mencapai 13.5 peratus apabila hampir 700 kanak-kanak di Negeri Sembilan menerima suntikan vaksin.

"PICKids di Negeri Sembilan dilaksanakan melalui 19 Pasukan Kesihatan Se-

kolah (PKS), 23 Klinik Kesihatan (KK), hospital kerajaan (7) dan hospital swasta (satu) serta enam pusat pemberian vaksin (PPV) yang dikendalikan pihak dilantik.

"Enam PPV itu membatik pasar raya Mesamall Nilai, Seremban Centrepoint, Kelab d'Tempat Bandar Sri Sendayan, Dewan Orang Ramai Batu Kikir Jempol, Hospital UCSI Port Dickson dan Poliklinik Ayryth di Kuala Pilah," katanya.

Kedah belum ada ketetapan

Alor Setar: Kedah belum bercadang mewajibkan hannya jemaah lengkap divaksin dan mengambil dos penggalak sahaja dibenarkan menunaikan solat di masjid negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Pendidikan, Agama dan Sumber Manusia negeri, Datuk Najmi Ahmad, berkata walaupun semua 11 daerah di negeri ini berada dalam zon merah, tiada sebarang perbincangan mengenai ketetapan baharu dibuat setakat ini.

"Pihak kami maklum mengenai peningkatan kes Covid-19 di negeri ini sehingga menyebabkan semua 11 daerah berada dalam zon merah, tetapi kita belum lagi adakan sebarang mesyuarat untuk membuat ke-

tetapan baharu.

"Sehingga kini kita masih kekalkan dengan ketetapan lama iaitu mereka yang lengkap divaksin boleh solat berjemaah di masjid dengan kapasiti penuh mengikut jarak fizikal satu meter," katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas mengenai ketetapan terkini yang diadarkan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) kepada pengurusan masjid, surau dan musolla negeri itu kelmarin iaitu hanya jemaah lengkap dua dos vaksin dan dos penggalak dibenarkan hadir menunaikan solat Jumaat di masjid seluruh Selangor bermula 25 Februari ini.

Langkah itu sejajar arahan mempertingkatkan pe-

nguatkuasaan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) di masjid, surau dan musolla di Selangor dalam usaha mengawal penularan pandemik Covid-19.

Pada 18 Oktober tahun lalu, Kedah membenarkan solat fardu dan Jumaat dengan kehadiran jemaah mengikut keluasan masjid dengan syarat mereka lengkap divaksin serta penjarakan satu meter berkuat kuasa serta merta.

Pengarah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Kedah (HEAIK), Mohd Yusri Md Daud, berkata keputusan itu dibuat selepas mengambil kira kadar vaksinasi penduduk Kedah melebihi 80 peratus selain kes Covid-19 negeri sudah menurun.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NEGARA

Lindungi anak kita dengan vaksinasi

KES jangkitan Covid-19 dalam kalangan rakyat Malaysia tidak menunjukkan penurunan membuatkan perlunya satu inisiatif bagi mengekang penularan wabak tersebut.

Varian Omicron yang melanda negara ketika ini sehingga angka positif harian kembali meningkat mencecah lima angka sehari masih mampu membunuh, walaupun tidak seteruk varian Delta sebelum ini.

Varian tersebut mempunyai mutasi yang banyak termasuk pada 'spike protein', menyebabkan ia boleh menjangkiti mereka yang sudah divaksin dan yang pernah dijangkiti sebelum ini.

Walaupun varian itu tidak menyebabkan kes yang parah seperti Delta, tahap untuk merebak sangat mudah.

Dalam pada itu, media melaporkan, Malaysia mencatat sebanyak lebih daripada 90,000 kanak-kanak berusia bawah 12 tahun dijangkiti Covid-19, sekali gus menyebabkan penggunaan katil harian pesakit bagi golongan itu, semakin meningkat seiring dengan kenaikan kes di dalam negara.

Program Imunisasi Covid-19 Kebangsaan Kanak-kanak (PICK-ids) yang dilaksanakan Kementerian Kesihatan (KKM) telah pun bermula bagi memberi perlindungan dan mengelakkan dari-



pada gejala yang lebih teruk terhadap golongan tersebut.

Pakar kesihatan awam, Prof. Madya Dr. Mohd. Dzulkhairi Mohd. Rani berkata, pentingnya bagi ibu bapa untuk memberi perlindungan yang sewajarnya kepada anak-anak daripada wabak Covid-19 tersebut.

Jelasnya, kes jangkitan dalam kalangan kanak-kanak juga membimbangkan dan serius.

"PICKids amat penting untuk ibu bapa membenarkan anak-anak mereka memperoleh perlindungan, walaupun ada dalam kalangan kanak-kanak tidak mengalami simptom yang serius.

"Dapat dilihat ada sebahagian golongan tersebut yang mengalami jangkitan lebih serius, malah sehingga menyebabkan kegagalan fungsi organ dalam mereka," katanya ketika dihubungi Kosmo! kelmarin.

Tambahnya, salah satu cara bagi memerangi wabak Covid-19

ialah dengan mendapatkan vaksinasi.

"Vaksin ini tujuannya ialah untuk menghalang jangkitan teruk bukan bermakna tidak akan dapat jangkitan langsung atau kebal, tetapi vaksin mampu memberi perlindungan dan mengelakkan daripada jangkitan yang lebih teruk," ujarnya.

Terdahulu, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, sejak Jun 2020 hingga Disember 2021, sebanyak 174 kes kanak-kanak bawah 18 tahun telah mengalami *Multi System Inflammatory Syndrome in Children (MIS-C)* iaitu keadaan kritikal yang boleh berlaku apabila terjadinya keradangan organ dalaman terutamanya jantung, paru-paru dan otak kerana jangkitan Covid-19.

Beliau berkata, kumpulan kanak-kanak yang berisiko tinggi untuk mengalami jangkitan Covid-19 yang serius adalah golongan pesakit kanak-kanak yang mempunyai penyakit paru-paru kronik, penyakit jantung, lemah sistem imun badan, kencing manis, sedang menjalani rawatan menggunakan steroid (seperti pesakit autoimun dan transplan), kanser, asma dan obesiti.

Tambahnya, antara kaedah utama bagi mengurangkan risiko berkenaan adalah dengan kawalan sendiri dan vaksinasi.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA

Pusat kecantikan guna alatan, ubatan berjadual – KKM

PUTRAJAYA – Kementerian Kesihatan (KKM) mengesahkan pusat kecantikan estetik tanpa taullah yang diserbu bersama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) Isnin lalu didapati menggunakan peralatan perubatan dan ubat-ubatan berjadual.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, peralatan perubatan dan ubat-ubatan itu sepatutnya hanya boleh digunakan seorang pengamal perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia.

Katanya, serbuan sama turut menemui peralatan pergigian di premis tersebut yang disyaki turut digunakan untuk tujuan rawatan kepada pelanggan mereka.

"Siasatan awal mendapati premis itu menyediakan rawatan estetik yang hanya boleh disediakan di fasiliti kesihatan berdaftar serta berlesen dengan KKM, malah ia perlu dijalankan pengamal perubatan berkelayakan.

"Kes itu kini diasiasat bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586] kerana disyaki menyediakan sebuah Kemudahan dan



ANTARA peralatan perubatan dan ubat-ubatan berjadual yang dikesan digunakan di pusat kecantikan tidak bertauliah baru-baru ini.

Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (KPJKS) tidak berdaftar.

"Pusat kecantikan itu didapati melanggar ketetapan Seksyen 3 dan, atau Seksyen 4 Akta 586 dan boleh disabitkan kesalahan



KERATAN Kosmo/kelmarin.



ANTARA premis spa kecantikan tanpa tauliah didalangi warga asing yang diserbu pihak JIM di Lembah Klang baru-baru ini.

bawah Seksyen 5, Akta sama," katanya menerusi kenyataan akhbar semalam.

Katanya, sabit kesalahan boleh didenda maksimum RM300,000 atau penjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya.

"Bagi suatu kesalahan yang dilakukan oleh suatu pertubuhan

perbadanan, perkongsian atau pertubuhan boleh didenda sehingga RM500,000," ujarnya.

Dr. Noor Hisham turut menasihati orang awam yang berhasrat mendapatkan rawatan estetik supaya mendapatkan rawatan di KPJKS yang berdaftar atau berlesen.

AKHBAR : SINAR HARIAN
 MUKA SURAT : 2
 RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

KPM beri sekolah pilihan jalankan PdPR

Jika berlaku penularan jangkitan Covid-19 di sekolah rendah dan menengah

KULAI

Kementerian Pendidikan (KPM) memberi pilihan kepada sekolah rendah dan menengah untuk menjalankan Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sekiranya penularan kes Covid-19 pada tahap tinggi.

Timbalan Menteri Pendidikan II, Datuk Mohamad Alamin berkata, kementerian kini memfokuskan kepada pelajar yang menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM).

"Memang kita sudah beri pilihan kepada sekolah rendah dan menengah, tingkatan satu hingga empat tidak perlu ke sekolah.

"Yang lain, mereka boleh buat PdPR dan sekolah rendah juga boleh memohon untuk mengadakan PdPR jika ada risiko penularan Covid-19.

"Kita sentiasa fleksibel dan menilai risiko dari semasa ke semasa," katanya kepada *Bernama* selepas melawat Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Putra 2 di sini pada Rabu.

Beliau berkata demikian mengulas mengenai pengoperasian sekolah dan tindakan KPM susulan peningkatan kes Covid-19.



FOTO: BERNAMA

KPM juga beri pilihan kepada pelajar tidak hadir ke sekolah untuk memberikan tumpuan kepada pelajar yang akan mengambil peperiksaan SPM dan STPM.



Mohamad berkata, KPM telah menyediakan panduan prosedur operasi standard (SOP) kepada sekolah-sekolah untuk menghadapi sebarang kemungkinan sekiranya berlaku penularan Covid-19.

"Garis panduan telah kita sediakan. Kementerian Kesihatan (KKM) atau Pejabat Kesihatan Daerah akan sentiasa bantu KPM dan sekiranya ada kes Covid-19 di sekolah, kita akan lapor dan mereka akan buat penilaian risiko.

"Kalau berlaku kes di asrama, KKM akan menilai sama ada perlu diteruskan atau tutup. Kalau sampai tahap (kes tinggi) kita akan tutup, jika belum kita ambil langkah meminimumkan risiko supaya tidak menular dengan lebih teruk.



MOHAMAD ALAMIN

"Keputusan yang kita ambil adalah berdasarkan kepada keselamatan murid dan guru di sekolah," katanya.

Sementara itu, Mohamad berkata KPM akan membuat keputusan mengenai pelaksanaan ujian Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3), dalam masa terdekat.

Katanya kementerian masih meneliti dan berbincang perkara berkenaan sebelum membuat keputusan rasmi.

"Sama ada tangguh atau batal, kita masih dalam penilaian dan perbincangan. Kita akan selidik dan teliti pandangan yang diterima dan kita akan rumuskan.

"Saya percaya Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Radzi Jidin akan keluaran kenyataan dalam masa terdekat," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

Individu tidak divaksin paling berisiko maut

Mereka juga berdepan
jangkitan kategori bahaya,
kata KP Kesihatan

KUALA LUMPUR

Kumpulan individu yang tidak divaksin tanpa mengira usia merupakan golongan yang paling berisiko dijangkiti Covid-19 kategori empat dan lima serta berdepan dengan kematian akibat jangkitan virus berkenaan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, keadaan itu dapat dilihat menerusi data Kementerian Kesihatan (KKM) mengenai kes Covid-19 kategori empat dan lima serta data kematian akibat pandemik itu bagi setiap 100,000 populasi dalam tempoh 26 Januari hingga 22 Februari.

"Ini dapat dilihat pada carta KKM dan hampir semua kumpulan umur," katanya dalam kenyataan yang turut memuatkan carta yang menunjukkan kes Covid-19 kategori empat dan lima serta kematian bagi setiap 100,000 penduduk adalah lebih tinggi dalam kalangan individu yang tidak divaksin sepanjang tempoh berkenaan.

Menurut Dr Noor Hisham, kumpulan individu yang telah menerima dos penggalak vaksin

Covid-19 adalah yang paling terlindung daripada pandemik tersebut.

"Dapat dilihat jumlah kes yang lebih rendah dijangkiti Covid-19 yang serius (kategori tiga, empat dan lima) dan juga kematian dalam kalangan penerima dos penggalak berbanding kumpulan yang tidak divaksinasi dan kumpulan yang lengkap divaksinasi tetapi belum menerima dos penggalak," katanya.

Beliau berkata, vaksin dos penggalak dapat memberi perlindungan yang terbaik daripada kematian dan gejala serius Covid-19.

Mengenai peratus penggunaan

katil unit rawatan rapi (ICU) Covid-19 di hospital, Dr Noor Hisham berkata, empat negeri menunjukkan peratusan pengisian melebihi 50 peratus iaitu Kelantan dengan 78 peratus, diikuti Johor (69 peratus), Kuala Lumpur (62 peratus) dan Melaka (54 peratus).

Merujuk kes positif Covid-19 yang dicatatkan pada Selasa, beliau berkata 27,179 kes direkodkan dengan 99.37 peratus atau 27,007 kes merupakan kes kategori satu dan dua manakala hanya 172 kes atau 0.63 peratus merupakan kes dalam kategori tiga, empat dan lima. - Bernama



FOTO: BERNAMA

Imunisasi lengkap Covid-19 berupaya melindungi seseorang daripada terkena jangkitan kategori empat dan lima yang boleh membawa maut.



DR NOOR HISHAM

Pesakit Covid-19 kanak-kanak meningkat

SHAH ALAM - Persatuan Hospital Swasta Malaysia (APHM) mendapati berlaku trend peningkatan pesakit Covid-19 kanak-kanak dalam tempoh satu hingga dua minggu kebelakangan ini.

Presidennya, Datuk Dr Kuljit Singh berkata, trend tersebut diikhtisarkan apabila persatuan itu melakukan tinjauan dalam kalangan ahlinya.

Bagaimanapun jelas beliau, terdapat juga beberapa hospital swasta melaporkan tiada kemasukan pesakit Covid-19 kanak-kanak.

"Kebanyakan hospital swasta tidak melaporkan sejumlah besar pesakit kanak-kanak Covid-19 yang rumit dengan sindrom keradangan pelbagai sistem dalam kanak-kanak (MIS-C)."

"Tetapi terdapat beberapa kes yang berkembang menyebabkan komplikasi berlaku dan ia amat

membimbangkan jika terdapat peningkatan," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Mengulas lanjut, Dr Kuljit berkata, pakar pediatrik di hospital swasta telah dimaklumkan mengenai perkembangan terbaharu pengurusan komplikasi berkaitan pesakit Covid-19 kanak-kanak.

Jelasnya, program vaksinasi bagi kanak-kanak berusia antara lima dan 11 tahun sudah bermula di beberapa hospital swasta dan ibu bapa digesa mendapatkan suntikan untuk anak mereka setelah diberikan tarikh.

"Sangat penting untuk melindungi kanak-kanak daripada



DR KULJIT SINGH

mendapat komplikasi Covid-19 kerana keadaan MIS-C boleh menjadi cabaran untuk mengurus dan merawat," ujarnya.

Tambah beliau, bagi golongan dewasa, kemasukan ke unit rawatan rapi (ICU) menurun jika dibandingkan dengan pertengahan gelombang tahun lalu.

"Kemasukan ke ICU kami adalah membabitkan pesakit yang mempunyai penyakit lain, tidak divaksin atau tanpa melengkapkan dos penggalak," katanya.

Jelas Dr Kuljit, hospital swasta tidak pernah menggunakan Ivermectin untuk merawat pesakit Covid-19 kerana ia telah terbukti tidak berkesan.

Hanya 87 kes kesan sampingan dos penggalak dikategori serius

PUTRAJAYA - Sejumlah 87 kes atau 7.34 peratus daripada 1,186 laporan kesan advers susulan imunisasi (AEFI) bagi dos penggalak vaksin Covid-19 diklasifikasikan sebagai serius, kata Pengarah Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRF), Dr Roshayati Mohamad Sani.

"Sebanyak 1,186 laporan AEFI yang diterima setakat 18 Februari adalah bersamaan dengan kadar 86 laporan bagi setiap sejuta dos," katanya dalam taklimat bersama media mengenai AEFI vaksin Covid-19 secara maya pada Rabu.

Bagi laporan AEFI secara keseluruhan, Dr Roshayati berkata NPRF menerima sejumlah 25,211 laporan dan 93 pe-

ratus atau 23.453 kes yang dilaporkan adalah kes tidak serius, manakala 1,758 laporan dikategori sebagai AEFI serius.

Daripada 1,758 laporan itu, beliau berkata sebanyak 1,069 laporan diterima bagi vaksin Covid-19 Pfizer-BioNTech, 544 kes vaksin Sinovac, AstraZeneca (142 kes) dan Convidecia (CanSino) tiga kes.

Dr Roshayati berkata, demam, sakit pada tempat suntikan, sakit kepala, sakit otot dan keletihan merupakan antara kesan advers paling kerap dilaporkan penerima vaksin manakala kesan serius adalah kes yang memerlukan kemasukan ke hospital, mengancam nyawa, atau disyaki menyebabkan kematian. - Bernama

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : DALAM NEGERI

Dos penggalak: Lanjutkan tempoh suntikan

PETALING JAYA: Tarikh akhir penerima vaksin premier Sinovac untuk mendapatkan dos penggalak wajar dilanjutkan sekurang-kurangnya dua bulan lagi berbanding pada 1 Mac ini.

